

<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

[BABY MAGAZINE AND CALIPHATE DISCUSSION]

MAJALAH PENGASUH DAN PERSOALAN KHILAFAH

ERMY AZZIATY ROZALI ^{1*}
 WAN KAMAL MUJAN ²
 MOHAMMAD ZAIDIN MAT@MOHAMAD ³

¹ Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam,
 Universiti Kebangsaan Malaysia

² Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam,
 Universiti Kebangsaan Malaysia

³ Jabatan Pendidikan, Dakwah dan Peradaban Islam, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
 Universiti Sultan Zainal Abidin

*Corresponding author: ermy@ukm.edu.my

Received Date: 7 November 2017 • Accepted Date: 28 January 2017

Abstract

Pengasuh magazine is one of magazines which plays an important role in spreading information, knowledge and as a medium of reforms movement among Malay society since its birth in 1918 as was published by Kelantan Islamic Religious Council. One of Pengasuh upsides is its ability to sustain until today compared to its other concurrent mass media before long discarded. Looking at the significance and role Pengasuh has undertaken, this article intends to revisit the question of caliphate that was raised in Pengasuh in the year 1924. The discussion of the caliphate issue coincides with the incident of the caliphate dissolved by Mustafa Kemal in Turkey. The dissolution is an important incident for the Muslim ummah as it ends a kind of Islamic ruling system inherited since the Righteous Caliphate era.

Kata kunci: Majalah Pengasuh, Khilafah, Mustafa Kemal.

Abstrak

Majalah Pengasuh merupakan salah sebuah majalah yang memainkan peranan penting dalam menyebarkan maklumat, ilmu dan sebagai wadah kepada gerakan islah dalam kalangan masyarakat Melayu sejak kelahirannya pada tahun 1918 yang diterbitkan oleh Majlis Agama Islam Kelantan. Salah satu kelebihan Pengasuh adalah mampu bertahan sehingga ke hari ini berbanding media massa seangkatannya yang telah lama berkubur. Melihat kepada kepentingan dan peranan yang dimainkan Pengasuh, artikel ini cuba mengupas persoalan khilafah yang dibentangkan oleh Pengasuh pada tahun 1924. Perbincangan isu khilafah ini selari dengan peristiwa pembubaran khilafah oleh Mustafa Kemal di Turki. Pembubaran tersebut merupakan satu peristiwa penting kepada umat Islam kerana mengakhiri suatu bentuk sistem pemerintahan Islam yang diwarisi sejak zaman Khulafa al-Rasyidin.

Kata kunci: Majalah Pengasuh, Khilafah, Mustafa Kemal.

Cite as: Ermy Azziaty Rozali, Wan Kamal Mujani & Mohammad Zaidin Mat@Mohamad. 2017. Majalah Pengasuh Dan Persoalan Khilafah. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 14(1): 16-27.

PENGENALAN

Akhbar dan majalah Melayu memang biasa digunakan sebagai sumber sejarah. Walau bagaimanapun, tidak ramai yang merujuk kepada akhbar dan majalah Melayu untuk menulis sejarah masyarakat Melayu, sedangkan bilangan media massa ini sepanjang abad ke-20M melebihi bilangan akhbar berbahasa Inggeris (Khoo Kay Kim, 1984). Kepentingan akhbar dan majalah terbukti kerana berperanan melaporkan peristiwa yang berlaku dan juga menggambarkan dan menjelaskan perasaan orang-orang yang hidup ketika itu (Roff, 1967).

Pengasuh merupakan sebuah majalah yang diterbitkan oleh Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK). Penerbitan majalah ini merupakan hasil usaha Tok Kenali dan juga ahli Majlis tersebut. Beliau melahirkan hasrat agar diterbitkan sebuah majalah yang dapat dijadikan wadah untuk memajukan umat Islam di Kelantan. *Pengasuh* muncul untuk memberikan kesedaran dan mendedahkan masyarakat Melayu mengenai kepincangan yang terdapat dalam kehidupan dan masalah ekonomi yang dihadapi oleh mereka. Melalui usaha Tok Kenali, beliau menulis rencana yang mendesak masyarakat Melayu supaya bangun mengubah nasib bangsa setanding dengan bangsa-bangsa lain. Isu-isu yang diketengahkan juga merangkumi bidang kemasyarakatan, politik, kenegaraan, termasuklah sejarah.

Pengasuh yang diterbitkan pada 11 Julai 1918 dan bertahan sehingga abad ke-21. Majalah ini bukan hanya bersifat majalah Melayu paling tua yang meletakkannya dalam kedudukan yang istimewa, tetapi pengaruh yang dibawa dan liku-liku dalam perkembangan penerbitannya sendiri yang menyaksikan penglibatan pertama kerajaan dalam penerbitan majalah Melayu amat penting diberi perhatian. *Pengasuh* merupakan majalah berkala pertama diterbitkan di Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu. Namun begitu, William Roff mengkreditkannya sebagai yang pertama di luar Negeri-Negeri Selat. Tidak bermula sebagai majalah, tetapi akhbar, *Pengasuh* mengalami pasang surut yang cukup panjang dan berliku (Hamed, 2002). Penerbitan Pengasuh adakalanya terpaksa dihentikan akibat kemelesetan ekonomi dan langkah berjimat cermat.

Menelusuri tujuan utama penerbitan majalah *Pengasuh* adalah untuk menjadi lidah rasmi Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan. *Pengasuh* juga berperanan untuk menyebarkan fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh Mesyuarat Majlis Ulama Kelantan kepada para pembaca. Fatwa-fatwa ini disiarkan dalam ruangan "Soal-Jawab" yang memuatkan kemusykilan agama dan dijawab oleh Tok Kenali. Menurut Hj. Nik Mahmud Ismail, tujuan utama penerbitan *Pengasuh* adalah untuk "mencapai cita-cita tamadun dan mendirikan kewajipan umat dan mengikut peredaran alam, berkhidmat kepada umat Islam di Semenanjung Tanah Melayu dan anak-anak Kelantan". Manakala Tok Kenali selaku pengarang *Pengasuh* yang pertama menegaskan bahawa tujuan penerbitan *Pengasuh* ialah untuk "menyuarakan kepentingan persuratkhabaran untuk bangsa, agama dan negara" (Ahmad, 2003).

Tujuan penerbitan *Pengasuh* berubah mengikut peredaran masa. Pada tahun 1920-an dan 1930-an, *Pengasuh* memainkan peranan penting untuk menyeru masyarakat Melayu supaya mengejar kemajuan dalam bidang ekonomi dan sosial. Sebagai contoh, *Pengasuh* menyeru ibu-bapa supaya menghantar anak-anak ke sekolah kendalian MAIK dan sekolah Inggeris untuk maju, menggalakkan MAIK menghantar pelajar ke luar negara dan membahaskan isu penubuhan kolej dan universiti di Kelantan. Selepas Perang Dunia Kedua, tujuan penerbitan *Pengasuh* ialah berkaitan dengan agama, akhlak, adat-istiadat Melayu dan perkhabaran dalam negeri. Seterusnya pada tahun 1950-an

Pengasuh lebih banyak menumpukan kepada penulisan ilmiah. Untuk memajukan *Pengasuh*, tujuan penerbitannya berubah kepada aspek keagamaan, pengetahuan dan kebangsaan. Antara ruangan agama yang diberikan tumpuan ialah 'Tafsir al-Quran', 'Hadis dan Huraiannya' dan 'Fatwa'. Rencana pengetahuan umum yang dimuatkan ialah 'Adakah Sudah Tuan Tahu' dan makalah bercorak kebangsaan pula berkaitan dengan perjuangan UMNO dan gerakan kemerdekaan (Ahmad, 2003).

Daripada sebuah akhbar mingguan, *Pengasuh* diubah kepada bulanan pada tahun 1932 sebelum penerbitannya terhenti pada akhir 1937, akibat kemelesetan ekonomi dan langkah berjimat- cermat yang diambil oleh MAIK. Selepas Perang Dunia Kedua, *Pengasuh* dihidupkan semula, Haji Muhammad Adnan menjadi editornya sehingga 1953 apabila Hassan Haji Muhammad mengambil alih jawatan tersebut. Selepas itu, penerbitan *Pengasuh* terhenti sebanyak tiga kali sebelum mencapai kedudukannya kini sebagai majalah Melayu paling tua yang masih diterbitkan (Ahmad, 2003).

PEMBUBARAN KHILAFAH OLEH MUSTAFA KEMAL DAN REAKSI *PENGASUH*

Untuk melihat perbincangan mengenai isu khilafah oleh *Pengasuh*, peristiwa pembubaran khilafah oleh daulah Uthmaniyah sewajarnya diteliti sepintas lalu mengenai daulah Uthmaniyah. Penubuhan dan perkembangan daulah Uthmaniyah yang bermula awal kurun ke-14M, memperlihatkan kejayaannya menguasai Anatolia, Semenanjung Balkan, Hungary dan Austria. Tidak ketinggalan di dunia Arab seperti Syria, Mesir, Palestin dan Iraq. Manakala di sebelah Afrika Utara iaitu Algeria dan Libya. Antara sejarah kecemerlangan Uthmaniyah ialah penaklukan Constantinople oleh Sultan Muhammad II yang juga dikenali sebagai *Muhammad al-Fatih* pada tahun 1453. Peristiwa ini merupakan gambaran kejayaan cemerlang yang menjadi tradisi *ghazi* dan pengambilalihan pusat pentadbiran orang-orang bukan Islam yang telah bertapak selama lebih kurang seribu tahun (Davison, 1968). Pemerintahan Sultan Sulayman al-Qanuni dianggap sebagai tahap kemuncak dalam kecemerlangan daulah Uthmaniyah. Di bawah pemerintahan beliau, penguasaan dapat dilihat daripada bandar Budapest sehingga ke Teluk Parsi. Angkatan tentera lautnya muncul sebagai kuasa yang unggul di pantai India dan Sepanyol. Senario yang paling utama ketika itu ialah daulah Uthmaniyah menjadi kuasa yang cukup digeruni di Eropah. Penguasaan mereka ke atas Hungary menjadi ancaman kepada Austria (Odysseus, 1900).

Oleh itu, penguasaan daulah Uthmaniyah berjaya merentasi tiga benua, iaitu benua Asia, Eropah dan juga Afrika. Kepimpinan Uthmaniyah diterajui oleh 42 orang pemerintah, bermula dengan Uthman hinggalah kepada Sultan Abdul Majid II (1921-1922) iaitu selama enam abad. Daulah Uthmaniyah kemudiannya berakhir apabila Mustafa Kemal memansuhkan

institusi khilafah Uthmaniyah dan menubuhkan Republik Turki.

Era pemerintahan Mustafa Kemal memperlihatkan sikap beliau yang berpandangan bebas dan kritikal berhubung aspek agama. Kekerasan juga digunakan untuk membantah kefanatikan yang dianggap sebagai racun yang boleh merosakkan bangsanya. Setelah beberapa abad daulah Uthmaniyah mengalami era pembaharuan yang mengikut cara Barat, jawatan khalifah juga turut menerima kesannya apabila dianggap sudah tidak relevan dengan perkembangan yang berlaku (Kinross, 1965). Persoalan yang timbul adakah kerajaan di Istanbul mampu berkuasa selepas Perang Dunia Pertama (1914-1918) berakhir? Perang ini yang melibatkan Kuasa Pusat dan Kuasa Bersekutu yang menyaksikan kekalahan di tangan Kuasa Pusat yang terdiri daripada pakatan Jerman dan daulah Uthmaniyah. Manakala Kuasa Bersekutu terdiri daripada pakatan British, Rusia dan Perancis.

Undang-undang menetapkan untuk menghapuskan kekuasaan sultan daripada khilafah telahpun dibincangkan sejak Mac 1920, iaitu sejak pendudukan Kuasa Bersekutu ke atas Istanbul. Peruntukan baru dalam undang-undang ini juga memberi hak ke atas *Grand National Assembly* (GNA), melantik ahli keluarga yang berkelayakan menjawat jawatan khalifah. Pentadbiran daulah Uthmaniyah diambil alih oleh Mustafa Kemal pada 17 November 1922, Sultan Muhammad VI menuju ke Malta dengan kapal perang British 'Malaya'. Seterusnya baginda ke Makkah sebagai tetamu kepada Sharif Husayn. Fatwa kemudiannya dikeluarkan menyatakan bahawa Sultan Muhammad VI, mengkhianati jawatan khalifah dan bai'ah dikeluarkan untuk mencari pengganti baginda. Abdul Majid II (1922- 1924), iaitu putera Sultan Abdul Aziz dilantik sebagai khalifah (Haim 1965; Iqbal 1974; Allen 1968). Dalam mesyuarat kabinet pada 31 Oktober 1923, Mustafa Kemal menjelaskan bahawa hanya satu jalan penyelesaian yang ada, iaitu menghapuskan kekuasaan sultan. Pada 1 November 1923, GNA meluluskan undang-undang untuk memisahkan kekuasaan sultan daripada khalifah (Shaw & Shaw, 1977 ; Kinross, 1965 ; Mansfield, 1973).

Walaupun kuasa sultan telah dipisahkan daripada institusi khilafah, Mustafa Kemal menegaskan bahawa institusi tersebut akan menggugat keselamatan, usaha untuk mencapai keharmonian dan juga kemajuan. Beliau yakin pihak kolonial dan penjajah pasti merasa tergugat dan dapat memanipulasikan umat Islam jika institusi khilafah tidak dibubarkan (Mohammad Sadiq 1991; Kinross 1965). Institusi khilafah kemudiannya dilihat sebagai saingan kepada sistem republik. Khalifah Abdul Majid II masih berusaha untuk mengekalkan kekuasaan baginda. Isu ini menarik minat Agha Khan dan Amir Ali untuk menulis surat kepada Ismet Pasha yang menyokong pemisahan jawatan khalifah daripada daulah Turki Uthmaniyah. Mereka meminta agar institusi khilafah Uthmaniyah diletakkan pada kedudukan yang dapat mewakili umat Islam keseluruhannya (Davison, 1968; Iqbal, 1974 ; Ahmad, 1967 ; Mansfield, 1973 ; Haim, 1965 dan Lewis, 1961).

Akhirnya kedudukan khalifah dianggap tidak lagi penting bagi bangsa Turki. Pada hari Jumaat 29 Februari 1924, khalifah Abdul Majid II menghadiri sambutan di *selamlık* buat kali terakhir sebagai khalifah Uthmaniyah (Shaw & Shaw, 1977). Kemal dan pentadbirannya mengambil keputusan menghapuskan peranan dan kedudukan khilafah menerusi proses pengundian (Amstrong, 1933 ; Haim 1965). Pada 3 Mac 1924, GNA mengadakan proses pengundian dan hasilnya keputusan dibuat untuk membubarkan institusi khilafah dan ahli kerabat diraja dibuang negeri (Amstrong, 1933). Gabenor Istanbul dan pegawai tentera memaklumkan pemecatan tersebut. Pada 4 Mac 1924, Abdul Majid II bersama keluarga

baginda menaiki keretapi khas ke Switzerland. Seluruh keluarga diraja dikenakan arahan supaya meninggalkan Turki Uthmaniyah (Mansel, 1988).

Kejatuhan daulah Uthmaniyah dan pemansuhan institusi khilafah pada tahun 1924, memberikan kesan yang besar kepada dunia Islam, termasuklah Alam Melayu. Kesan pahit daripada peristiwa tersebut dirasai di Alam Melayu sehingga beberapa orang dari tokoh Islam di rantau ini telah mengikut serta dalam gerakan menghidupkan kembali sistem pemerintahan kekhalifahan. Mereka menghadiri perhimpunan tokoh-tokoh dunia Islam di Makkah dalam usaha mencari resolusi untuk mengembalikan semula simbol kekuasaan politik Islam tersebut (Auni, 2005 ; Kramer, 1986 ; Noer, 1973). Antara yang menyertai perhimpunan tersebut ialah Sayid Hassan bin Ahmad al-Attas dan Sayid Abu Bakar al-Attas dari Johor dan Haji Abdul Karim Amrullah dan Sayid Abdullah Ahmad dari Hindia Timur Belanda.

Pembubaran khilafah oleh Kemal memberikan kesan politik yang mendalam terhadap dunia Islam, terutamanya di India. Mereka bimbang dengan meningkatnya pengaruh British terhadap Sharif Husayn di Hijaz yang mendakwa bahawa institusi khilafah telah ditolak oleh umat Islam (Ahmad, 1967). Bagi masyarakat Melayu, dalam skala yang agak kecil dan terbatas, rasa kesal tetap wujud terhadap peristiwa yang berlaku. Ini dirasai, terutamanya dalam kalangan mereka yang mempunyai pendidikan yang agak baik dan menetap di Pulau Pinang dan Singapura. Di kedua-dua pulau ini, tidak ada institusi kesultanan yang membataskan simpati masyarakat Melayu terhadap daulah Uthmaniyah, sebagaimana yang berlaku di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan Negeri- Negeri Melayu Tidak Bersekutu. Masyarakatnya terdiri daripada orang Arab dan India Muslim yang tidak dicirikan sifat 'Melayu jati', serta terdedah dengan perkembangan yang berlaku dalam dunia Islam (Mohammad Redzuan, 2005).

Pengasuh (1924) memberikan komentarnya yang tersendiri terhadap peristiwa pembubaran khilafah ini menerusi artikel yang bertajuk 'Kerajaan Turki Memansuhkan Jawatan Khilafah DaripadaNya'. Artikel ini menegaskan bahawa isu berhubung pembubaran khilafah harus diketahui dan dibicarakan oleh umat Islam di dunia ini. Pandangan awal *Pengasuh* (1924) terhadap pembubaran institusi Khilafah oleh Mustafa Kemal adalah berdasarkan hujah berikut:

- i. Pentadbiran Mustafa Kemal mendapati bahawa jawatan khilafah pada masa tersebut tidak begitu mendatangkan manfaat kepada daulah Uthmaniyah tetapi lebih membawa kepada mudarat.
- ii. Percaya dan yakin bahawa jalan untuk mencapai kemajuan ialah mengikut acuan Barat tidak berjaya untuk maju sekiranya masih di takuk lama.
- iii. Dunia Islam tidak harus dipandang dari segi nama dan istilahnya sahaja, bahkan sewajarnya mempunyai kekuatan yang mampu dikagumi dan digeruni oleh pihak lain.

Walau bagaimanapun, antara hujah atau dalil yang kuat membawa kepada pembubaran tersebut ialah persetujuan Sultan Muhammad Rashad V untuk menyertai Perang Dunia Pertama (1914-1918) yang mengakibatkan wilayah kekuasaan daulah Uthmaniyah menjadi kucar-kacir, berikutan tindakan yang dikenakan oleh pihak yang memenangi peperangan tersebut. Kedudukan khalifah dan sultan juga dilihat sebagai alat kepada kuasa-kuasa yang menjadi musuh daulah Uthmaniyah dalam peperangan tersebut (*Pengasuh*, 1924). Pandangan ini

memberikan persepsi yang negatif dengan menganggap institusi khilafah dapat dimanipulasi oleh Kuasa Barat.

Pengisytiharan kerajaan Republik Turki dan pemilihan Mustafa Kemal sebagai presiden juga menjadikan institusi khilafah tidak lagi berperanan sebagaimana sebelumnya. Oleh itu, *Pengasuh* mempersoalkan apakah reaksi dunia Islam? Sebagai mengulas situasi tersebut, *Pengasuh* (1924) menjelaskan bahawa hanya kegemparan dan keributan mengenai pembubaran institusi tersebut tercetus dalam kalangan dunia Islam, tetapi pentadbiran Mustafa Kemal tidak merasa tergugat dengan tindakan yang mereka lakukan. Di samping itu, beliau menafikan bahawa mereka menghancurkan harapan dunia Islam dengan tindakan membubarkan institusi khilafah tetapi lebih bertujuan untuk menghalang cita-cita kuasa asing yang berhasrat untuk mencampuri urusan pentadbiran kerajaan Turki.

Pengasuh (1924) juga menjelaskan bahawa dunia Islam tidak berupaya dan tidak mempunyai kuasa untuk mengembalikan semula jawatan khilafah tersebut melainkan pimpinan Mustafa Kemal berpecah-belah. Sebagai alternatif untuk mengatasi masalah tersebut, bangsa Arab mencadangkan Sharif Husayn, pemimpin Hijaz dilantik sebagai khalifah bagi menghidupkan semula institusi tersebut. Pendirian yang diambil oleh *Pengasuh* ialah menyokong cadangan pemilihan Sharif Husayn sebagai khalifah. Sokongan yang diberikan oleh *Pengasuh* turut dipanjangkan kepada masyarakat Melayu. Bahkan, *Pengasuh* juga meminta masyarakat Islam di India menerima cadangan pemilihan Sharif Husayn menjadi khalifah kepada umat Islam. Perkara ini dilihat sebagai penting untuk menonjolkan kesatuan umat Islam dan menjaga kehormatannya di mata kuasa-kuasa asing. Di samping itu, tidak perlulah dicadangkan dua atau tiga lagi khalifah dalam dunia ini.

Umat Islam juga maklum bahawa pentingnya kewujudan institusi khilafah tersebut, walaupun tidak boleh disamakan dengan kepimpinan Khulafa' al-Rasyidin. Sebagai menegaskan pendirian mereka, *Pengasuh* sekali lagi menyatakan bahawa bangsa Arab merupakan bangsa yang paling layak untuk dipilih sebagai khalifah, apatah lagi jika berketurunan Nabi Muhammad S.A.W seperti Sharif Husayn. Di samping itu, *Pengasuh* melihat kedudukan beliau adalah lebih baik berbanding pemimpin umat Islam yang lain seperti dari Mesir, Afghanistan dan lain-lain lagi.

Kepentingan membincangkan isu khilafah terus disuarakan oleh *Pengasuh* (1924) dengan menjelaskan mengenai kepentingan institusi khilafah dan kewajipan umat Islam untuk mendukung institusi tersebut. Oleh itu, umat Islam di Semenanjung Tanah Melayu, Sumatera, Jawa, Borneo, Celebes dan yang lain diseru agar mengadakan perhimpunan dalam kalangan ulama dan tokoh intelektual untuk membincangkan mengenai siapakah pengganti yang boleh mengisi kekosongan jawatan khalifah. Sekiranya keputusan dapat dicapai, bolehlah disebarkan di dalam akhbar untuk makluman orang ramai.

Reaksi masyarakat Melayu terhadap pembubaran khilafah dapat dikesan menerusi usaha untuk menghidupkan semula institusi khilafah. Di Pulau Pinang, terdapat sebuah pertubuhan yang dinamakan sebagai Perhimpunan Khilafah. Pertubuhan ini mengeluarkan deklarasi tentang tanggungjawab bagi setiap umat Islam supaya mengembalikan semula sistem pemerintahan Islam tersebut. Di samping itu, Perhimpunan Khilafah mengadakan mesyuarat dalam tempoh beberapa kali. Dalam satu pertemuan yang terakhir, proses undian diadakan untuk melihat sokongan terhadap usaha menghidupkan semula institusi khilafah. Hasil daripada

undian tersebut, mendapati sebanyak 72 peratus yang bersetuju dan 28 peratus lagi menentang cadangan tersebut (*Lembaga Melayu*, 1924 ; Mohammad Redzuan, 1994).

Di sebalik sokongan terhadap gerakan khilafah, resolusi yang dibuat dalam Perhimpunan Khilafah di Pulau Pinang dipertikaikan kesahihannya oleh Noor Mohd Hashim. Hujah yang beliau utarakan adalah kurangnya maklumat mengenai perhimpunan tersebut seperti alamat lengkap, ahli jawatankuasa dan pekerjaan mereka yang menandatangani perjanjian. Menurut undang-undang NNS, setiap perhimpunan mestilah mempunyai maklumat yang lengkap berhubung dengan ahli dan juga perjalanan aktiviti mereka. Oleh itu, beliau menasihatkan agar masyarakat Melayu tidak menerima keputusan Perhimpunan Khilafah sehingga terbukti kesahihannya (*Lembaga Melayu*, 1924). Noor Mohd Hashim dapat mengemukakan hujah yang berdasarkan undang-undang Negeri- Negeri Selat selari dengan kepakaran dan pengalaman luas beliau dalam bidang perundangan (Roff, 1934).

Perbincangan mengenai isu khilafah turut mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat Melayu. Majalah *Pengasuh* menerbitkan semula artikel mengenai Perhimpunan Khilafah Pulau Pinang yang tersiar dalam *Lembaga Melayu* (*Pengasuh*, 1924). *Pengasuh* juga menyiarkan ulasan yang terperinci oleh Noor Mohd Hashim yang tidak bersetuju terhadap usaha menghidupkan semula jawatan khilafah dengan berhujah bahawa sekiranya jawatan khilafah itu ditentukan oleh Tuhan sebagai warisan sudah pasti dijelaskan dalam al-Qur'an, sebagaimana hukum pewarisan harta- pusaka. Malahan beliau juga menyokong usaha Kemal yang mengadakan pembaharuan dalam daulah Uthmaniyah dan beliau berada di landasan yang betul dalam usaha membangunkan negaranya (*Pengasuh*, 1924). Pembubaran institusi khilafah memberikan kekuatan kepada Kerajaan Uthmaniyah yang bergerak sebagai sebuah negara yang merdeka.

Pengasuh juga menerangkan faktor yang menyebabkan Kemal membubarkan jawatan khalifah untuk maklumat masyarakat Melayu. Faktor-faktor tersebut ialah jawatan khalifah pada ketika itu tidak dapat memberikan faedah kepada rakyat Turki Uthmaniyah. Pembaharuan yang mencontohi Barat dilihat sebagai pilihan yang baik untuk merancang pembangunan dan kemajuan negara. Oleh itu, sistem pemerintahan yang sedia ada tidak perlu dikekalkan. Dunia Islam tidak boleh hanya berbangga dengan lambang kekuatan dan kekuasaan tetapi harus mempunyai dan memiliki kuasa yang sebenarnya, agar dikagumi serta dihormati oleh orang lain (*Pengasuh*, 1924).

Kejayaan Kemal membebaskan Turki Uthmaniyah daripada penjajahan Kuasa Bersekutu yang menduduki Istanbul selepas Perang Dunia Pertama dilihat sebagai satu kejayaan yang harus dibanggakan. Tindakan Kemal dianggap tepat pada masanya apabila sultan ketika itu dimanipulasi oleh pihak musuh, iaitu Kuasa Bersekutu (*Pengasuh*, 1924) . Di samping itu, *Pengasuh* juga turut memberi sokongan kepada pemimpin Hijaz, iaitu Syarif Husayn bin Ali untuk dilantik sebagai khalifah umat Islam. Beliau yang bertanggungjawab mentadbir Hijaz dan berketurunan Arab dirasakan berkelayakan menjawat jawatan tersebut. *Pengasuh* juga berharap agar seruan ini dapat diterima oleh umat Islam di Alam Melayu dan juga di India (*Pengasuh*, 1924). Penerimaan masyarakat Melayu terhadap usaha Kemal dibuktikan melalui minat dan kekaguman yang ditonjolkan kepada tokoh tersebut. Golongan generasi muda rancak membeli potret Kemal yang dijual di kedai-kedai India Muslim.

Pembubaran khilafah ini menjadi penanda aras terhadap proses sekularisasi dalam pembinaan Republik Turki yang membezakannya dengan daulah Turki Uthmaniyah. Republik

Turki mendapati pembubaran khilafah ini sebagai satu proses evolusi politik Islam dan menolak simbol yang menjadi identiti keislaman. Hujah yang mewajarkan pembubaran tersebut dirumuskan daripada pandangan bahawa institusi tersebut bersifat politik yang sebenar dan bukannya keagamaan. Falsafah disebalik situasi ini juga menunjukkan bahawa sekularisme merupakan komponen yang penting di dalam ideologi Republik Turki (Mohamad Sadiq, 1991).

Reaksi masyarakat Islam di Hindia Timur Belanda turut menunjukkan minat terhadap pembubaran khilafah. Selepas Perang Dunia Pertama, kekuasaan daulah Uthmaniyah tergunag. Kedudukan sultan yang dipandang tinggi sebagai khalifah umat Islam dihapuskan oleh Kemal. Oleh itu, masyarakat Islam di Hindia Timur Belanda merasakan menjadi kewajipan untuk mengadakan perbincangan dan mencari jalan penyelesaian. Selepas Mesir mengadakan muktamar khilafah pada Mac 1924, jawatankuasa khilafah ditubuhkan di Surabaya pada Oktober 1924 yang dipengerusikan oleh Wondosudirjo dari Sarekat Islam dan juga K.H.A Hasbullah (Noer, 1973; Laffan, 2003).

Seterusnya muktamar Islam ketiga diadakan di Surabaya pada bulan Disember 1924. Muktamar ini memutuskan untuk menghantar sebuah delegasi ke Mesir yang terdiri daripada Surjopranoto mewakili Sarekat Islam, Haji Fachroddin dari Muhammadiyah dan K.H.A Wahab dari golongan ulama tradisional. Walau bagaimanapun, muktamar khilafah di Kaherah ditangguhkan. Delegasi dari Jawa lebih tertarik dengan perkembangan yang berlaku di Hijaz yang menyaksikan Ibn Saud berjaya mengusir Sharif Husayn dari Makkah pada tahun 1924. Tindakan ini mendapat sokongan dan tentangan dari masyarakat Islam di Hindia Timur Belanda kerana menganggunya sebagai perebutan jawatan khilafah (Noer, 1973; Mansfield, 1973). Muhammad Hatta yang mengulas mengenai pembubaran khilafah, menyeru seluruh umat Islam agar bertindak segera untuk mencari pendekatan bagi menyelesaikan isu pembubaran khilafah. Beliau juga mengingatkan kepada pembaca *Bintang Islam*, bahawa isu khilafah bukan hanya menjadi tanggungjawab rakyat Turki. Masyarakat Melayu di Hindia Timur Belanda juga harus berusaha mencari pengganti khalifah yang baru dan mereka tidak seharusnya ketinggalan dalam membincangkan hal ini (Laffan, 2003 ; *Bintang Islam* ,1924).

Pada tahun 1924, wakil dari muktamar khilafah Seluruh India, iaitu Hussein Mardin datang ke Alam Melayu dalam rangka mempromosikan Pan-Islamisme dan juga menubuhkan *Jam'iyatul Ittihad al-Islami*. Kehadiran Hussein adalah hasil muktamar yang diadakan di Bombay pada Mac 1923 yang turut dihadiri oleh perwakilan dari Hindia Timur Belanda. Muktamar tersebut memutuskan penghantaran wakil ke Jawa. Perkembangan selanjutnya mengenai misi tersebut tidak dapat diketahui dengan jelas, namun sudah cukup untuk menunjukkan bahawa rantau ini tidak terpinggir daripada perkembangan di peringkat antarabangsa dan dunia Islam (Suminto, 1985).

Perkembangan mengenai muktamar khilafah seterusnya dilaporkan oleh akhbar *Seruan Azhar*. Akhbar ini menyiarkan maklumat mengenai muktamar khilafah yang diadakan di Makkah untuk membincangkan kedudukan khilafah Islam. Wakil yang datang dari Hindia Timur Belanda ialah Haji Abdul Karim Amrullah dan Sayid Abdullah Ahmad (*Seruan Azhar*, 1926). Laporan lengkap mengenai muktamar khilafah yang diadakan pada 13 Mei 1926 juga disiarkan. Pada hari pertama muktamar, agendanya ialah mengadakan pertemuan di antara delegasi-delegasi. Mereka kebanyakannya terdiri daripada tokoh-tokoh agama dari negara-negara Islam. Di samping itu, terdapat juga delegasi dari Barat seperti Perancis, Sepanyol, British yang hadir sebagai wakil pemerhati dalam muktamar tersebut (*Seruan Azhar*, 1926).

Pada hari kedua, iaitu 15 Mei 1926 muktamar khilafah membincangkan masalah dunia Islam dan isu mengenai tentera Perancis mengepung kota Damsyik, Syria dan menganiaya umat Islam. Manakala hari ketiga, iaitu pada 18 Mei muktamar memutuskan bahawa isu khilafah tidak dapat dibincangkan, berikutan ketiadaan kerajaan Islam yang besar seperti Turki, Afghanistan dan Iran kerana menguruskan masalah konflik dalaman negara masing-masing. Oleh kerana tiada keputusan muktamad yang dapat dibuat mengenai kedudukan khilafah, muktamar ini memutuskan untuk mengadakan muktamar seterusnya pada masa akan datang untuk menentukan kedudukan khilafah. Persetujuan juga dibuat untuk melaporkan tindakan Perancis kepada Persekutuan Negara Eropah (*Seruan Azhar*, 1926).

Muktamar khilafah juga menerima penyertaan dari Semenanjung Tanah Melayu, iaitu Sayid Hassan bin Ahmad al-Attas dan Sayid Abu Bakar al-Attas. Kedua-dua tokoh ini hadir ke muktamar khilafah mewakili Sultan Abu Bakar Johor. Di samping itu, Sayid Muhammad Aqil diiringi oleh sepupunya Sayid Ahmad bin Umar dan dua orang anak lelakinya, iaitu Sayid Muhammad Ali dan Sayid Abdullah. Ketika berada di sana, Sayid Hassan al-Attas membeli sebuah rumah yang berhampiran dengan Universiti al-Azhar. Rumah ini boleh diwakafkan dan mampu menampung penghuni seramai empat ke lima puluh orang. Pembelian rumah ini juga bertujuan sebagai kemudahan pelajar-pelajar khususnya dari Semenanjung Tanah Melayu. *Seruan Azhar* (1926) melihat usaha ini sebagai sokongan pihak kerajaan kepada para pelajar dan amat dialu-alukan. Usaha seperti ini juga telah dilaksanakan oleh negara yang dianggap mencapai kemajuan seperti Kerajaan Uthmaniyah, Mesir dan Jepun yang sentiasa memberikan sokongan kepada generasi muda mereka.

Gerakan khilafah dan juga perkembangan politik yang berlaku di Turki Uthmaniyah memberikan reaksi yang berbeza dalam kalangan masyarakat Melayu. Berdasarkan laporan British, terdapat sebahagian daripada masyarakat Melayu menunjukkan minat terhadap perkembangan yang berlaku (*The Malayan Bulletin of Political Intelligence*, 1922). Kurangnya minat masyarakat Melayu terhadap isu pembubaran khilafah dan usaha untuk menghidupkannya semula kerana institusi tersebut bukanlah sesuatu yang penting bagi mereka. Walaupun masyarakat Melayu menghormati khilafah Uthmaniyah, hakikatnya institusi tersebut tidaklah melahirkan ketaatan sehingga mereka boleh dianggap mewakili kepimpinan Islam yang teragung dalam ertikata yang sebenarnya (Mohammad Redzuan, 1996).

Kewajipan menegakkan semula institusi khilafah dilihat sebagai sebahagian daripada syariat Islam kerana tertumpu kepadanya kesatuan umat Islam. Di samping itu, turut dinyatakan kewajipan khalifah secara umum yang harus diketahui oleh umat Islam (*Pengasuh*, 1924):-

- i. Memelihara dan mendirikan segala perintah syara' dengan bersungguh-sungguh.
- ii. Memelihara dan menjaga tempat suci umat Islam (Makkah dan Madinah) untuk memudahkan umat Islam menunaikan ibadah.
- iii. Khalifah itu tidak harus bersekongkol dengan kuasa atau kerajaan asing yang mungkin boleh menguasai mereka.

Sekiranya dilihat kerajaan-kerajaan Islam yang ada pada masa ini, tidak wujud kerajaan yang merdeka daripada kuasa asing. Sebagai alternatif kepada usaha mencari pengganti khalifah ini, *Pengasuh* meneruskan cadangan mereka iaitu pemimpin Hijaz, Sharif Husayn yang dilihat sebagai calon yang agak sesuai. Antara hujah yang dikemukakan ialah kerajaan Islam yang lain terikat dengan perjanjian dengan kuasa asing yang menyukarkan mereka untuk memegang jawatan khalifah. Walaupun tidak dinafikan, kerajaan Hijaz itu bukanlah sebuah kerajaan kuat, tetapi *Pengasuh* (1924) berkeyakinan sekiranya diberikan kuasa, mereka mampu untuk membina kekuatan dengan sokongan masyarakat tempatan seperti golongan Badwi dan pemimpin masyarakat yang lain.

PENUTUP

Secara keseluruhannya dapat dilihat bahawa pembubaran institusi khilafah oleh Mustafa Kemal pada tahun 1924, mendapat reaksi yang bercampur baur daripada dunia Islam. Isu ini dibincangkan dengan hangat di Timur Tengah dan juga India. Beberapa usaha dijalankan untuk mengembalikan kedudukan institusi tersebut. Menariknya di sini, masyarakat Melayu juga tidak terpinggir daripada membincangkan isu pembubaran khilafah. Majalah *Pengasuh* turut serta menerbitkan artikel berhubung pembubaran institusi khilafah dan jelas menunjukkan bahawa mereka juga memainkan peranan penting dalam membincangkan isu umat Islam. Ini selari dengan matlamat penerbitan *Pengasuh* yang bertanggungjawab mendedahkan kepada masyarakat Melayu mengenai perkembangan yang berlaku tidak kira dalam negeri mahupun di peringkat antarabangsa. Sokongan kepada Sharif Husayn, pemimpin Hijaz untuk mengisi kekosongan jawatan khilafah juga menunjukkan bahawa *Pengasuh* juga mempunyai pendiriannya yang tersendiri dalam sesuatu membincangkan sesuatu isu. Oleh itu, tidak hairanlah majalah yang diterbitkan oleh Majlis Agama Islam Kelantan ini mampu bertahan hingga ke hari ini.

RUJUKAN

- Abdullah al-Qari Haji Salleh. (1988). *Detik-detik Sejarah Hidup Tok Kenali*. Pustaka ASA, Kota Bharu.
- Ahmad, Aziz. (1967). *Islamic Modernism in India and Pakistan 1857-1964*. Oxford University Press, London.
- Allen, H. (1968). *The Turkish Transformation a Social and Religious Department*. Greenwood Press, New York.
- Amstrong, H. (1933). *Gray Wolf Kemal*. Balch & Company, New York.
- al-Attas, S. A. M. (1984). *Allahyarham Sayid Hassan al-Attas*. Penerbit wakaf Almarhum Sayid Hassan bin Ahmad al-Attas, Johor Bahru.

- Auni Abdullah. (2005). *Tradisi, Pemerintahan Islam dan Kolonialisme dalam Sejarah Alam Melayu*. Darul Fikir, Kuala Lumpur.
- Bahtra. (1932). Bil. 4. Jil. 1. 17 Januari.
- Bintang Islam. (1924). Vol. 2. No. 8. 25 April.
- Davison, R. H. (1968). *Turkey*. Prentice Hall, New Jersey.
- Eeman Mohamed Abbas. (2002). *Sultan Abdul Hamid II dan Kejatuhan Khilafah Islamiyyah*. Pustaka Salam, Kuala Lumpur.
- Haim, S. (1965). The Abolition of the Caliphate and its Aftermath. Dalam *The Caliphate*. T. W. Arnold (ed.). Routledge & Kegan Paul Ltd., London.
- Hamed Mohamad Adnan. (2002). *Direktori Majalah-Majalah Melayu Sebelum Merdeka*. Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- HAMKA. (1982). *Ayahku*. Penerbit UMMINDA, Jakarta.
- al-Ikhwān. (1926a). Syarikat Bekerjasama. No. 1. Jil. 1. 16 September.
- al-Ikhwān. (1926b). Agama dan Adat. No. 2. Jil. 1. 16 Oktober.
- Iqbal, Afzal. (1974). *The Life and Times of Mohamed Ali an Analysis of the Hopes, Fears and Aspirations of Muslim India from 1778 to 1931*. Institute of Islamic Culture, Lahore.
- Kahin, G. T. (1980). In Memoriam: Mohammad Hatta (1902-1980). *Indonesia* 30: 113-120.
- Kim, Khoo Kay. (1984). *Majalah dan Akhbar Melayu sebagai Sumber Sejarah*. Perpustakaan Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Kinross, L. (1965). *Ataturk : A Biography of Mustafa Kemal*. William Morrow and Company, New York.
- Kramer, M. (1986). *Islam Assembled the Advent of the Muslim Congresses*. Colombia University Press, New York.
- Laffan, M. F. (2003). *Islamic Nationhood and Colonial Indonesia the Umma Below the Winds*. Routledge Curzon, London.
- Lembaga Melayu. (1924). Khilafah dan Khalifah. No. 2961. 23 Mei.
- Lewis, B. (1961). *The Emergence of Modern Turkey*. Royal Institute of International Affairs, Oxford.
- Mahayuddin Yahaya. (1984). *Sejarah Orang Syed di Pahang*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Mango, A. (1999). *Ataturk*. John Murray, London.
- Mansel, P. (1988). *Sultans in Splendour*. Andre Deutsh Limited, London.
- Mansfield, P. (1973). *The Ottoman Empire and Its Successor*. The MacMillan Press Ltd., London.
- May, L. S. (1970). *The Evolution of Indo-Muslim after 1857*. Sh. Muhammad Ashraf, Lahore.
- Mohammad Redzuan Othman. (1994). The Middle Eastern Influence on the Development of Religious and Political Thought in Malay Society 1880-1940. PhD Thesis, University of Edinburgh.
- Mohammad Redzuan Othman. (1996). Reaksi Masyarakat Melayu Terhadap Revolusi Kemal dan Pembentukan Negara Turki Moden. Kertas kerja Kongres Sejarah Malaysia Kedua: Sejarah dan Proses Pemantapan Negara Bangsa, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, UKM, 26-28 November.
- Mohammad Sadiq. (1991). The Turkish revolution and the abolition of the caliphate. *International Studies* 28(1): 25-40.
- Noer, Deliar. (1973). *The Modernist Muslim Movement in Indonesia 1900-1943*. Oxford University Press, Singapore.
- Odysseus. (1900). *Turkey in Europe*. Edward Arnold, London.
- Pengasuh. (1924a). Kerajaan Turki Memansuhkan Jawatan Khilafah Daripadanya. Jil. 6. No. 143. 5 April.
- Pengasuh. (1924b). Khilafah dan Khalifah. Jil. 7. No. 147. 3 Jun.
- Pengasuh. (1924c). Apakah Sebab yang Kerajaan Turki Memansuhkan Jawatan Khilafah

- daripadanya. Bil. 143. Jil. 6. 5 April.
- Roff, W. (1967). *Sejarah Surat-surat Khabar Melayu*. Saudara Sinaran Berhad, Kuala Lumpur.
- Roff, W. (ed.). (1978). *The Wandering Thoughts of a Dying Man The Life and Times of Haji Abdul Majid Zainuddin*. Oxford University Press, Kuala Lumpur.
- Seruan Azhar*. (1927). Bil. 23-24. Ogos-September.
- Shaw, S. J & Shaw, E. K. (1977). *History of the Ottoman Empire and Modern Turkey Reform, Revolution and Republic, the Rise of Modern Turkey 1808-1975*. Cambridge University Press, Cambridge.
- Sohaimi Esa. (1997). *Penglibatan Individu Arab dalam Ekonomi Negeri Johor 1862-1942*. Disertasi Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Suminto, H. A. (1985). *Politik Islam Hindia Belanda*. LP3ES, Jakarta.
- The Malayan Bulletin of Political Intelligence. (1922). C.O 273/518. No. 8. Oktober.
- Ungku Abdul Aziz. (1987). *Jejak-jejak di Pantai Zaman*. Jabatan Penerbitan Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Wan Jamaluddin Wan Omar. (1982). *Haji Uthman bin Haji Senik, Mufti Pahang: 1838-1918*. Dalam Cheah Boon Keng (ed.). *Tokoh-tokoh Tempatan (Kumpulan Esei Sejarah Malaysia oleh Pelajar U.S.M) dan Dokumen-dokumen Dalam Sejarah di Malaysia*. Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Wheeler, L. R. (1928). *The Modern Malay*. Allen & Unwin, London.